



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)
(Syarikat ditubuhkan di Malaysia)

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sembilan AWQAF Holdings Berhad yang telah bersidang pada hari Isnin, 27 Jun 2022 pada jam 10.00 pagi bertempat di Bangi Convention Centre, Jalan Wawasan 1, Seksyen 14, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

KEHADIRAN PENGARAH

YBhg Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir	-	Pengerusi
Tuan Haji Mohammad Sahar bin Mat Din	-	Timbalan Pengerusi
YBhg Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali	-	Pengarah
Puan Azizah binti Abdul Rahman	-	Pengarah
YBhg Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor	-	Pengarah
Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff	-	Pengarah
Dato` Khairul Shahril bin Hamzah	-	Pengarah
Puan Rafe'ah binti Ariffin	-	Pengarah

KEHADIRAN AHLI

Seperti senarai kehadiran

KEHADIRAN PROKSI

Seperti senarai kehadiran

DIJEMPUT HADIR

Encik Mohd Wazi bin Mohamad Awal - Wakil dari Tetuan Wan Nadzir & Co.

TURUT HADIR

Puan Fatintafrina binti Mohd Tareh	-	Setiausaha Syarikat
Encik Ibrahim Adham bin Asmaill	-	Wakil Pengurusan
Puan Khairunnisa binti Mazlan	-	Wakil Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali	-	Pengarah
Dr. Ridzwan bin Bakar	-	Pengarah

1. UCAPAN Pengerusi

YBhg Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir, selaku Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Lembaga Pengarah dan ahli-ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-Sembilan Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF" atau "Syarikat"). Pengerusi kemudiannya memulakan AGM dengan bacaan Ummul Kitab yang turut dihadihkan kepada:

- (i) Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali bin Hashim selaku Pengasas AWQAF Holdings;
- (ii) Allahyarham Tun Dr. Arshad Ayub yang merupakan salah seorang Ahli AWQAF Holdings yang pulang ke rahmatullah pada 14 Jun yang lalu; dan
- (iii) semua keluarga, sanak saudara sahabat handai kita semua yang telah tiada.

Pengerusi kemudiannya memperkenalkan kesemua Ahli Lembaga Pengarah AWQAF, Pengerusi Yayasan ZuriatCare dan juga Setiausaha Syarikat kepada semua Ahli AWQAF yang hadir.

Pengerusi memaklumkan bahawa dua orang Ahli Lembaga Pengarah AWQAF iaitu Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali dan Dr. Ridzwan bin Bakar tidak dapat menghadiri mesyuarat hari ini atas urusan kerja.

Seterusnya Pengerusi memulakan mesyuarat pada jam 10.05 pagi.

2. KORUM

Setiausaha Syarikat mengesahkan sejumlah 45 orang ahli (termasuk kehadiran 22 orang proksi) telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini, jumlah ini adalah seperti yang direkodkan pada jam 10.05 pagi.

Oleh itu, mesyuarat telah membentuk korum yang mencukupi untuk meneruskan mesyuarat selaras dengan Artikel 35 Perlembagaan Syarikat.

3. NOTIS MESYUARAT

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sembilan bersama-sama dengan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan Laporan Tahunan yang telah dimuatnaik ke dalam laman web Syarikat dan turut diedarkan, dianggap telah dibaca oleh semua Ahli AWQAF.

4. PEMBENTANGAN PRESTASI SYARIKAT

Sebelum memulakan agenda mesyuarat, Pengerusi telah memberi penerangan kepada semua ahli AWQAF berkenaan prestasi dan aktiviti syarikat pada tahun 2021 dan perancangan Syarikat untuk tahun 2022. Antara yang diketengahkan adalah:

Prestasi Syarikat secara Umum

- (1) Kumpulan AWQAF juga tidak terlepas dengan cabaran dan impak pandemik COVID-19 dan turut terkesan di mana pelaburan kumpulan termasuk Sekolah Al-Hamra dan pusat kecergasan CURVES perlu ditutup operasi secara fizikal. Walaubagaimanapun, Pihak Pengurusan telah mencari alternatif dengan melaksanakan operasi pendidikan dan kelas senaman secara atas talian (*online*). Kumpulan AWQAF akan terus terus komited dengan tuntutan norma baharu dan perubahan di luar jangkaan ini dan akan berusaha menambahbaik keseluruhan operasi dan urus tadbir AWQAF selari dengan fasa endemik. Dan akan meneruskan peranan dan menjalankan tanggungjawab untuk kekal relevan di dalam membantu membangunkan ekonomi ummah.
- (2) Tahun 2021 adalah tahun yang mencabar, tetapi Kumpulan AWQAF telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM2,213,168 berbanding dengan RM149,657 pada tahun kewangan 2020. Pendapatan pada tahun 2021 disumbangkan daripada aktiviti pengurusan Sekolah Al-Hamra sebanyak RM2,062,917 (93%) dan yuran keahlian pusat

kecergasan Curves Bukit Jelutong sebanyak RM126,514 (6%). Kumpulan AWQAF telah mencatat keuntungan kasar berjumlah RM1,101,804 setelah menolak kos perkhidmatan sebanyak RM1,111,364. Margin keuntungan kasar Kumpulan AWQAF telah meningkat dengan baik sekali berbanding tahun kewangan 2020. Peningkatan ini berlaku kerana anak syarikat AWQAF Education Sdn Bhd telah mencatat keuntungan kasar sebanyak RM1,126,915.

- (3) Walaubagaimanapun, perbelanjaan-perbelanjaan pajakan telah menyebabkan Kumpulan AWQAF mencatat kurangan tahun 2021 sebanyak RM2,206,966 termasuk impak MFRS 16 (Pajakan) yang mencatat kos pajakan bagi Kumpulan AWQAF yang berjumlah keseluruhan RM1,640,314 pada tahun 2021. Pembentangan Penyata Kewangan Beraudit AWQAF, akan membincangkan lanjut kedudukan kewangan AWQAF.
- (4) Sepanjang tahun 2021, penerimaan dana Kumpulan AWQAF terkumpul pada 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM12.99 juta, pertambahan sebanyak RM172,172 sepanjang tahun 2021, dengan jumlah penyumbang pewakaf seramai 3,422 iaitu seramai 727 Ahli dan 2,682 penyumbang Asas. Jumlah dana Kumpulan AWQAF dan ahli terkini sehingga 31 Mei 2022 adalah sebanyak RM13.1 juta dengan penyumbang pewakaf seramai 3,410 iaitu 729 Ahli dan 2,693 penyumbang Asas. Antara inisiatif Pihak Pengurusan adalah memberi galakkan berterusan kepada para penyumbang Asas bagi meningkatkan sumbangan wakaf mereka sehingga layak mengundi sebagai ahli penuh, iaitu minimum Ahli Hadid (jumlah wakaf RM1,000).
- (5) Pelan bagi meningkatkan hubungan komunikasi antara Kumpulan AWQAF dan para ahli juga telah dilaksanakan secara berperingkat melalui AWQAF media. Laman web portal ahli yang telah dibangunkan melalui awqaf.com.my/mywaqf/, turut memudahkan pengurusan pendaftaran ahli secara atas talian, selain memudahkan semua urusan sumbangan wakaf yuran ahli dan sumbangan wakaf

tunai lainnya, termasuk sumbangan kepada Tabung khas ZuriatCARE, EduWAQF dan AWQAF4Health.

- (6) Kumpulan AWQAF telah memulakan langkah aktif dengan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi kelangsungan perniagaan dan kesinambungan aktiviti untuk mencapai objektif organisasi. Bagi memberi impak kewangan yang positif kepada AWQAF untuk lima tahun yang akan datang, barisan Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan AWQAF akan memberi fokus utama portfolio pelaburan kepada 4 industri penting iaitu hartanah, kesihatan, pendidikan dan teknologi digital.
- (7) AWQAF terus menjadi antara organisasi yang menghulur sumbangan kepada mereka yang memerlukan serta membantu komuniti yang diduga dengan bencana di negara ini melalui sumber dana untuk Tabung Khas ZuriatCARE, EduWAQF dan WAQF4Health, sekali gus berpotensi memperluaskan impak program fi sabilillah AWQAF untuk manfaat masyarakat. Jumlah agihan manfaat dari keuntungan keseluruhan Kumpulan AWQAF bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM263,220.
- (8) Sehingga 31 Disember 2021, baki jumlah dana Tabung EduWAQF & AWQAF4Health adalah sebanyak RM33,788. Jumlah keseluruhan agihan Manfaat Tabung EduWaqf & AWQAF4Health pada tahun 2021 adalah RM236,559. Agihan manfaat ini telah diterima boleh NGO yang berteraskan pendidikan seperti IiBF Infaq Sadaqah Fund (INSAF), Persatuan Bangun Bersama Kuala Lumpur, Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak dan Sekolah Al-Hamra. Bagi agihan manfaat kesihatan, Kumpulan AWQAF telah melancarkan Kempen Kit Prihatin B40 COVID-19 yang telah berjaya disampaikan kepada 83 keluarga dan individu penerima manfaat di seluruh negara.

Segmen Pelaburan Pendidikan

- (9) Pada Januari 2021, di tengah-tengah kemelut pandemik COVID-19 yang menyebabkan banyak institusi-institusi pendidikan mengalami masalah kewangan, AWQAF Holdings Berhad telah mengambil keputusan untuk mengambil alih operasi sebuah sekolah antarabangsa swasta yang terletak di Kota Damansara, Sekolah Al-Hamra. Satu inisiatif pelaburan yang penting bagi AWQAF untuk bersama-sama memperkasakan institusi pendidikan yang menjadi denyut nadi dalam pembangunan tamandun dan generasi akan datang. Bagi mengurus operasi sekolah ini, AWQAF Education Sdn Bhd (AESB) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2021 sebagai anak syarikat 100% milik AWQAF Holdings Berhad.
- (10) Kumpulan AWQAF berazam dan komited untuk meningkatkan taraf dan potensi institusi pendidikan Islam dari semasa ke semasa, dan kita bertanggungjawab untuk membina generasi pelajar yang bakal menjadi pemimpin akan datang sebagai peneraju ketamadunan Islam yang cemerlang. Justeru antara inisiatif yang bakal dipelopori AWQAF adalah peluang biasiswa pembelajaran kepada golongan pelajar B40 yang berpotensi di sekolah milik AWQAF.
- (11) Pihak Pengurusan juga telah berjaya dalam usaha penggabungan Sekolah Al-Hamra dan The Sunnah School yang akan menambah tawaran pendidikan melalui silibus Tahfiz dan tawaran tinggal di Asrama. Pihak Pengurusan juga berusaha merancang beberapa aktiviti pemasaran dengan lebih strategik sebagai usaha menambah lebih ramai pelajar Al-Hamra yang mempunyai kapasiti bangunan yang boleh menampung jumlah pelajar sehingga 600 orang. Dengan pertambahan jumlah pelajar ini, jangkaan jumlah hasil yang berpotensi dijana oleh AWQAF pada 2-3 tahun akan datang adalah sekitar RM4 juta hingga 5 juta setahun.

Segmen Pelaburan Kesihatan & Kesejahteraan

- (12) AWQAF terus meneroka dan membuka francais pusat kecergasan wanita CURVES Malaysia yang kedua di kawasan Setia Alam pada Februari 2022, selepas outlet pertama di Bukit Jelutong. Inisiatif pelaburan ini bukan sahaja dilihat sebagai suatu projek pelaburan Wakaf dalam industri kesihatan dan kecergasan, tetapi ianya juga secara tidak langsung memberi peluang kepada para wanita di Malaysia untuk menjaga kesihatan di satu kemudahan gimnasium yang patuh Syariah, berkonsepkan latihan litar (*circuit training*), dan paling penting selamat untuk wanita.
- (13) Prestasi semasa CURVES Bukit Jelutong dan Setia Alam menunjukkan peningkatan yang baik selepas dibuka semula selepas penutupan outlet secara fizikal selama lebih dari tiga bulan. Dengan operasi dua outlet ini dan jumlah keahlian sebanyak 216 ahli, jangkaan hasil yang berpotensi dijana oleh Kumpulan AWQAF adalah sehingga RM500,000 setahun. Kumpulan AWQAF meletakkan sasaran untuk membuka 3 - 4 outlet bagi 2 tahun akan datang. Kumpulan AWQAF membuka peluang kepada korporat dan individu yang berminat bekerjasama dengan AWQAF untuk membuka outlet baru CURVES. Semoga usaha dalam membangunkan perniagaan berkonsepkan pusat kecergasan wanita ini membuka lebih banyak peluang baru untuk AWQAF terus mengembangkan pelaburan dalam bidang kesihatan & kecergasan.
- (14) Selain dari pelaburan pusat kesihatan CURVES dan mesin medikal Hospital USM, Kumpulan AWQAF juga telah memulakan aktiviti perkhidmatan Residensi Warga Emas Premier di Jalan Damai, Kuala Lumpur di bawah pengurusan anak syarikat AHB Wellness Sdn Bhd yang baru sahaja didaftarkan pada bulan Jun 2022. Perkhidmatan Residensi Warga Emas Premier ini merupakan satu industri yang berpotensi besar pada masa akan datang, yang mana Malaysia sedang berdepan cabaran Negara Tua 2030. Pelaburan Residensi Warga Emas Premier ini meletakkan sasaran pendapatan sehingga RM1 juta pada tahun pertama beroperasi.

Segmen Pelaburan Hartanah

- (15) Dalam pelaburan hartanah dan kesihatan pula, AWQAF juga sentiasa meneruskan usaha mencari projek hartanah berskala sederhana yang sesuai untuk dibangunkan, yang mana usaha ini akan di buat dalam bentuk sendiri ataupun kolaborasi strategik bersama agensi-agensi yang berkaitan kerajaan dan swasta bagi mengembangkan dan menambah nilai sumber dana wakaf.
- (16) AWQAF bersama DPIM telah mengadakan kunjung hormat bertemu Pengerusi MAINS, YBhg. Dato' Dr. Abdul Aziz Sheikh Ab Kadir pada 13 Jun 2022. Di antara perbincangan yang dibentangkan adalah cadangan pembangunan bersama pihak MAINS untuk membangunkan Tanah-Tanah MAINS dan Tanah-Tanah Wakaf di Negeri Sembilan selari dengan tanggungjawab Awqaf sebagai penerima status mutawalli dari MAINS.
- (17) Dalam pertemuan tersebut, turut dibincangkan Status Mutawalli Bersyarat Awqaf dan kedua-dua pihak bersetuju agar Mutawalli Awqaf dapat dimuktamadkan sepenuhnya dalam masa yang terdekat dan projek pembangunan hartanah MAINS dapat dijayakan secara bersama.

Yayasan ZuriatCare

- (18) Yayasan Zuriatcare telah mendapat kelulusan penubuhannya oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri pada Ogos 2020. Di bawah pimpinan pengkerusinya iaitu Puan Alia bt. Muhammad Ali, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan dan dipertanggungjawabkan sebagai badan amal fi-sabilillah. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah dana keseluruhan sumbangan ZuriatCARE adalah sebanyak RM119,527 (sumbangan awam).
- (19) Sebagai Selain Program Peluang Kedua, Yayasan Zuriatcare telah mengembangkan lagi capaian mereka kepada masyarakat dengan

aktiviti-aktiviti kesedaran lain, seperti menubuhkan program baru dibawah Yayasan iaitu Program Kempen Inklusif Kesedaran Kesihatan dan Penyakit Mental yang diberi nama Camellia (Campaign for Mental Illness Inclusivity and Awareness) dan Advokasi Kesedaran Bunuh Diri, AWAS (*Awareness Against Suicide*) yang mana kita terpaksa akui semakin serius apabila dikaitkan dengan tekanan sosioekonomi akibat pandemik Covid-19.

- (20) Sepanjang tahun 2021, ZuriatCARE telah meneruskan program Projek Bakul Ramadhan, Kempen Darurat Banjir, Kempen Bantuan Kembali ke Sekolah selain Kempen Bantuan Khas COVID-19. Sumbangan yang terkumpul digunakan bagi membantu ibu hamil, bayi-bayi dan warga Baitus Solehah yang terkesan selepas menjalani kuarantin di hospital akibat Covid-19.
- (21) Antara program-program ZuriatCARE sepanjang tahun 2021 adalah bekerjasama dengan Malaysian Against Pornography (MAP) bagi menjalankan Kempen Sentuhan Selamat & Sentuhan Tidak Selamat dengan mencetak buku panduan sentuhan bagi kanak-kanak yang akan dijual dan diedarkan di sekolah-sekolah rendah seluruh negara.
- (22) Program program atas talian seperti webinar : Siri Borak Santai Camellia - Kesihatan Mental, Bengkel Kesihatan Mental 101 - anjuran MIASA; Yayasan Zuriatcare selaku penaja utama bagi peserta B40, Kempen #kamibantu, Pelancaran lagu 'HARAPAN' - bersempena dengan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia serta Konsert Amal Voices of Hope 2021 - bersempena dengan Hari Kesihatan Mental Sedunia.

Program-Program Lain

- (23) Program-program bantuan perniagaan juga telah dibangunkan dengan pelancaran Dana Wakaf Tjjarah dengan kerjasama Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM). Program Dana Wakaf Tjjarah ini telah dikembangkan kepada konsep 'Waqafpreneur' yang bermatlamat untuk melahirkan usahawan yang mampu

mengembangkan perniagaan serta memanfaatkan lebih ramai orang melalui perniagaan yang diusahakan, Antara usahawan yang telah mendapat manfaat dari program ini adalah syarikat KAMOSA Sdn Bhd bagi pembelian mesin projek kontrak bersama Indah Water Konsortium (IWK).

- (24) Bagi pelan pelaburan berasaskan teknologi digital, antara usaha Kumpulan AWQAF adalah dengan mengambil peranan sebagai salah satu Ahli Pengasas Pemegang Saham di dalam penubuhan Bank Wakaf Digital (AWQAF Islamic Digital Bank) bersama-sama Halim Mazmin Berhad dan Grup Majalah Karangraf Sdn Bhd dalam permohonan Lesen Perbankan Digital daripada Bank Negara Malaysia. Walaubagaimanapun, konsortium ini tidak terpilih sebagai salah satu pemegang lesen bank digital tersebut.

Pelancaran Buku Biografi Pengasas AWQAF

- (25) Kumpulan AWQAF bersama Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerbitkan Buku Biografi Pengasas AWQAF, Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang bertajuk *Champion of Business Jihad & Corporate Waqaf* dan akan dilancarkan selepas Mesyuarat Agung Tahunan AWQAF Holdings Berhad oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed.
- (26) Buku berbahasa Inggeris yang ditulis oleh Professor Rokiah Talib ini, merupakan satu naskhah yang sarat dengan kupasan konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pengurusan organisasi dan perniagaan. Turut terkandung dalam buku ini adalah kisah perjalanan hidup Allahyarham sejak dari kecil sehingga usaha jihadnya melaksanakan agenda Waqaf Korporat, Jihad Bisnes dan pembangunan sosioekonomi demi mengukuhkan kesejahteraan Ummah sejagat. Buku tersebut boleh dijadikan bahan rujukan pengurusan korporat untuk semua. Harga jualan buku adalah RM120 senaskah, tetapi pada hari pelancaran ini, pihak AWQAF

menawarkan harga istimewa iaitu RM100 senaskah kepada semua hadirin Majlis Pelancaran buku tersebut.

Mesyuarat mengambil maklum tentang pembentangan tersebut dan Pengerusi berharap semua ahli AWQAF mendapat input secara terperinci mengenai prestasi Syarikat dan prospek perniagaan serta cabaran yang mungkin dihadapi untuk tahun-tahun mendatang berikutan dengan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia sekarang ini.

5. PROSES PENGUNDIAN

Pengerusi memaklumkan proses pengundian semua resolusi seperti yang tertera di dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sembilan adalah melalui angkat tangan (*show of hand*).

Pengerusi kemudian meneruskan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sembilan dengan urusan rasmi mesyuarat.

6. MEMBINCANGKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 BERSERTA LAPORAN PENGARAH DAN JURUAUDIT

Pengerusi memaklumkan bahawa Agenda berkenaan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit hanya untuk tujuan perbincangan dan tidak memerlukan kelulusan dari ahli AWQAF. Perkara ini telah dinyatakan di dalam Seksyen 340(1)(a), Akta Syarikat 2016. Oleh itu, tiada pengundian akan dibuat untuk Agenda ini.

Salinan Laporan Tahunan 2021 yang mengandungi Penyata Kewangan Beraudit untuk tahun berakhir 31hb Disember 2021 beserta Laporan Para Pengarah dan Juruaudit telah dimuat naik ke laman web AWQAF Holdings Berhad dan telah pun diedarkan kepada semua ahli AWQAF sebelum tarikh

Mesyuarat Agung berlangsung. Kesemua Ahli AWQAF yang hadir bersetuju bahawa Laporan Tahunan 2021 tersebut dianggap telah dibaca dan sedia untuk dibincangkan.

Pengerusi kemudiannya menjemput Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff selaku Pengarah Eksekutif AWQAF untuk membentangkan Laporan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit kepada ahli AWQAF.

Selesai pembentangan, Pengerusi telah membuka sesi soal jawab kepada semua ahli AWQAF untuk bertanyakan soalan atau kueri berkenaan Laporan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit kepada ahli-ahli AWQAF.

Memandangkan tiada soalan yang diajukan dari ahli AWQAF, Pengerusi meneruskan Mesyuarat Agung Tahunan dengan agenda seterusnya.

7. RESOLUSI 1(a)

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT ARTIKEL 56 SYARIKAT – (a) PROF. DR. ENSKU RABIAH ADAWIAH BINTI ENSKU ALI

Resolusi pemilihan dan pelantikan semula Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Binti Engku Ali yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat telah dibentangkan.

Memandangkan Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah tidak dapat hadir pada hari mesyuarat, namun bagi tujuan Resolusi 1(a) ini pihak AWQAF dan Setiausaha Syarikat telah pun menerima surat daripada beliau yang menyatakan kesediaan untuk dilantik semula sebagai Pengarah Awqaf Holdings Berhad.

Resolusi 1(a) telah dicadangkan oleh Tuan Syed Mohd Ghazali Wafa dan disokong oleh Tuan Haji Samian bin Senin.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 1(a) telah diterima dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli AWQAF yang layak mengundi.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisytiharkan Resolusi 1(a) telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat, iaitu Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Binti Engku Ali adalah diterima.”

8. RESOLUSI 1(b)

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT ARTIKEL 56 SYARIKAT – (b) ENCIK ABDUL MOHSEIN BIN MOHD SHARIFF

Resolusi pemilihan dan pelantikan semula Encik Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat telah dibentangkan.

Resolusi 1(b) telah dicadangkan oleh Dato’ Dr. Mohd Hafiz Bin Yusoff dan disokong oleh Tuan Haji Abdul Rahman Idrus.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 1(a) telah diterima dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli AWQAF yang layak mengundi.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisytiharkan Resolusi 1(b) telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat, iaitu Encik Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff adalah diterima.”

9. RESOLUSI 2

PELANTIKAN SEMULA TETUAN WAN NADZIR & CO SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT BAGI TAHUN BERIKUTNYA DAN MEMBERI KUASA KEPADA PARA PENGARAH UNTUK MENETAPKAN IMBUHAN MEREKA.

Resolusi pelantikan semula Tetuan Wan Nadzir & Co sebagai Juruaudit syarikat untuk memegang jawatan sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya pada imbuhan yang akan dipersetujui oleh Pengarah dan Juruaudit telah dibentangkan.

Resolusi 2 telah dicadangkan oleh Tuan Haji Abdul Rahman Idrus dan disokong oleh Dato Halipah binti Esa.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 2 telah diterima dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli AWQAF yang layak mengundi.

Pengerusi mengisytiharkan Resolusi 2 telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI ketetapan untuk pelantikan semula Tetuan Wan Nadzir & Co sebagai Juruaudit Syarikat dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka adalah diterima.”

14. LAIN-LAIN URUSAN PERNIAGAAN DAN PENUTUPAN MESYUARAT

Oleh kerana tiada notis diterima untuk melakukan lain-lain urusan pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sembilan (seperti disahkan oleh Setiausaha Syarikat), Pengerusi mengakhiri Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sembilan dengan ucapan terima kasih pada semua Ahli AWQAF yang hadir.

Mesyuarat ditamatkan pada pukul 11.15 pagi dengan ucapan terima kasih kepada Pengerusi dan seluruh Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli AWQAF yang hadir.

Pengerusi kemudiannya menjemput dan mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Lembaga Pengarah, ahli-ahli AWQAF dan para jemputan yang lain untuk turut sama menghadiri dan memeriahkan dua majlis penting yang akan berlangsung seusai Mesyuarat Tahunan AWQAF kali ini iaitu:


- (i) Majlis Pelancaran E-Book Modul Intervensi Yayasan ZuriatCare; dan
- (ii) Majlis Pelancaran Buku Biografi Pengasas Awqaf Holdings Berhad, Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed.

Minit disediakan oleh,




Puan Fatintafrina Binti Mohd Tareh
Setiausaha Syarikat

Minit disemak oleh,



En. Abdul Mohsein bin Mohd Shariff
Pengarah Eksekutif

Minit disahkan oleh,



YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir
Pengerusi

Tarikh: 22 September 2022